

FAKTOR TINGKAH LAKU JENAYAH DAN PANDANGAN PESALAH MUDA TERHADAP PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

YOUTH OFFENDERS CRIME FACTORS AND AN OPINION OF COMMUNITY SERVICE ORDER

Abd Rahman Mat Nordin¹

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.
(Email: abdrahman_matnordin@yahoo.com)

Abdul Talib Hashim²

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.
(Email: abdul.talib@fpm.upsi.edu.my)

Received date: 25-08-2019

Revised date: 05-09-2019

Accepted date: 09-11-2019

Published date: 12-12-2019

To cite this document: Mat Nordin, A. R., & Hashim, A. T. (2019). Faktor Tingkah Laku Jenayah dan Pandangan Pesalah muda Terhadap Perintah Khidmat Masyarakat. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(10), 35-46.

DOI: 10.35631/IJMTSS.210004

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor berlaku jenayah dalam kalangan pesalah muda dan meneroka pandangan pesalah muda terhadap hukuman perintah khidmat masyarakat. Seramai enam orang pesalah muda dipilih sebagai responden. Kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes digunakan. Teknik pengumpulan data adalah melalui analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Hasil kajian mendapati, faktor kecuaian diri sendiri, konflik keluarga dan gagal mematuhi undang-undang merupakan faktor pesalah muda terlibat dalam tingkah laku jenayah. Kajian ini juga menunjukkan pesalah muda berpandangan positif terhadap hukuman perintah khidmat masyarakat. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan hukuman perintah khidmat masyarakat telah meningkatkan kesedaran pesalah muda. Implikasi kajian menunjukkan pelaksanaan hukuman perintah khidmat masyarakat dapat meningkatkan keberkesanan hukuman perintah khidmat masyarakat.

Katakunci: Pesalah Muda, Faktor, Jenayah, Pandangan, Perintah Khidmat Masyarakat

Abstract: The purpose of the study is to identify the youth offenders factor in crime and to explore youth offender's opinion of community service order. A total of 6 youth offenders are chosen as the respondent of this study. Qualitative research method, which is case study, is utilized. The data is gathered through document analyses, observations and interviews. At the

end of the study, it is determined that individual negligence, family conflict and unsuccessful road transport act are youth offenders behaviour factors. The study also demonstrated the positive opinion of community service order. Finally, respondent involved in crime thought positively of community service order. In conclusion, the study has shown the community service order has increased the sense of the youth offenders effectively. The implementation of community service order has increased effectively the sense of an effectiveness among the youth offenders.

Keywords: Youth Offenders, Factors, Crime, Opinion, Community Service Order

Pendahuluan

Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat dijatuhkan kepada remaja yang melakukan tingkah laku jenayah hingga disabitkan kesalahan oleh Mahkamah adalah merupakan hukuman alternatif atau pilihan. Menurut Siti Zubaidah Ismail (2011), hukuman Perintah Khidmat Masyarakat merupakan hukuman alternatif dan dapat difahami sebagai salah satu bentuk hukuman gantian atau hukuman pilihan.

Menurut Flack (2006), hukuman Perintah Khidmat Masyarakat mula diperkenalkan secara formal oleh Mahkamah Almeda County iaitu sebuah daerah di California, Amerika Syarikat pada tahun 1966. Manakala, hukuman PKM diperkenalkan di Malaysia sekitar tahun 2007 menerusi pindaan seksyen 293 (1)(e)(i) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan 2006) dan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2008 (Norazla Abdul Wahab, Mohd Al-Adib Samuri, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin & Anita Abdul Rahim, 2015).

Soroton Kajian

Arifah Rahimah Ismail & Mohd. Al-Adib Samuri (2015) dalam artikel jurnalnya “Perintah Khidmat Masyarakat Terhadap Pesalah Jenayah di Negara-negara Barat” membahaskan pelaksanaan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat menurut pandangan dari aspek objektif pelaksanaan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat. Kajian tersebut menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentuk analisis kandungan. Berdasarkan analisis dokumen memperlihatkan bahawa Arifah Rahimah Ismail et al. (2015) telah menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan itu bagi mencapai hasil kajiannya. Hasilnya menunjukkan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat cuba memenuhi objektif badan perundangan iaitu berfungsi sebagai satu hukuman alternatif berbanding hukuman pemenjaraan. Maka, di sini Arifah Rahimah Ismail et al. (2015) telah menegaskan peranan penting institusi pemulihan contohnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam melahirkan warganegara yang baik seperti yang dikehendaki oleh keluarga, masyarakat dan negara.

Arifah Rahimah Ismail et al. (2015) dengan memetik hasil kajian Leibrich, Galaway & Underhill (1986) bertajuk *Community Service Sentencing in New Zealand: A Survey of Users. Federal Probation*. Berdasarkan hasil kajian Leibrich et al. (1986) mendapati bahawa tiga objektif hukuman yang berfungsi dapat memberi manfaat kepada masyarakat dengan melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan oleh responden sebagai satu simbolik pembayaran semula. Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat mempunyai objektif khusus kepada responden seperti, mendisiplinkan responden, meningkatkan kemahiran kerja dan komunikasi dalam kalangan responden serta memupuk semangat integrasi responden dengan masyarakat awam. Akhirnya, hukuman Perintah Khidmat Masyarakat cuba memenuhi objektifnya iaitu

berfungsi sebagai satu hukuman alternatif dan responden masih boleh meneruskan kehidupan bersama keluarga.

Arifah Rahimah Ismail et al. (2015) dengan memetik hujahan Brennan & Mason (1983) hukuman Perintah Khidmat Masyarakat dilihat kepada enam elemen penting di lokasi yang mengendalikan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat iaitu sebagai satu hukuman alternatif kepada responden, organisasi tertentu dan masyarakat, sebagai tawaran kepada responden untuk membayar kembali hutang mereka kepada masyarakat dengan melakukan kerja-kerja kemasyarakatan, cuba menawarkan alternatif kepada organisasi awam dan swasta untuk melibatkan diri bersama masyarakat dengan mengambil responden sebagai sukarelawan selain memberi peluang pekerjaan kepada responden untuk melakukan kerja-kerja yang berfaedah. Akhirnya, hukuman Perintah Khidmat Masyarakat dapat memberi tawaran kepada badan kehakiman untuk menjadikannya sebagai satu hukuman alternatif tambahan yang sesuai dilaksanakannya sebagai syarat kepada hukuman perintah pengawasan dan hukuman pelepasan bersyarat. Berdasarkan hujahan Brennan & Mason (1983), Arifah Rahimah Ismail et al. (2015) mendapati hukuman Perintah Khidmat Masyarakat merupakan satu bentuk hukuman alternatif. Ini dapat dilihat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2, 3, 4 dan 5 di mana responden komited dan berjaya menamatkan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat dalam tempoh beberapa bulan sahaja berbanding tempoh sebenar yang dijatuhan oleh Mahkamah malah sebelum tamat tempoh hukuman Perintah Khidmat Masyarakat.

Objektif Kajian

Dalam penulisan artikel jurnal ini, objektif kajian ialah untuk mengenal pasti faktor berlaku jenayah dalam kalangan pesalah muda dan meneroka pandangan pesalah muda terhadap program Perintah Khidmat Masyarakat yang telah diikuti.

Soalan Kajian

Apakah faktor berlaku tingkah laku jenayah dalam kalangan pesalah muda?

Apakah pandangan pesalah muda terhadap program Perintah Khidmat Masyarakat yang telah diikuti?

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Menurut Siti Uzairiah Mohd Tobi, 2017), pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji lain mencontohi tatacara metodologi kajian yang sama dan ia adalah merupakan satu sumbangan ilmu pengetahuan. Manakala menurut Othman Lebar (2015), pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif ialah untuk mengenal pasti tingkah laku dan meneroka pandangan responden serta apa yang terdapat dalam kehidupan mereka. Pendekatan kualitatif menekankan ‘penentuan natural’ iaitu memahami, penerangan secara verbal dan naratif serta reka bentuk yang digunakan adalah fleksibel (McMillan, 2012). Maka, dalam konteks kajian ini pengkaji mengenal pasti faktor tingkah laku jenayah dalam kalangan pesalah muda dan meneroka pandangan pesalah muda terhadap program hukuman Perintah Khidmat Masyarakat yang diikuti menggunakan pendekatan kualitatif. Ini dapat dijelaskan seperti berikut.

Reka Bentuk Kajian

Menurut Othman Lebar (2015), menjelaskan bahawa antara perkara yang menjadi pertimbangan dalam mereka bentuk kajian adalah fokus kajian yang munasabah dari segi saiz dan kekompleksan, mudah dicapai atau berhampiran dengan tempat pengkaji, bersifat menarik kepada pengkaji dan merupakan suatu yang pengkaji fikirkan penting atau akan menjadi penting pada masa hadapan. Maka, pengkaji melaksanakan kajian ini memfokus

kepada objektif kajian bersifat menarik kerana faktor pesalah muda terlibat dalam tingkah laku jenayah dan ianya penting dikaji.

Klasifikasi Kajian Kes

Stake (2005) mengklasifikasikan kajian kes kepada tiga jenis iaitu kajian kes instrumental, kajian kes instrinsik dan kajian kes pelbagai. Berdasarkan tiga jenis kajian kes Stake (2005), pengkaji memilih kajian kes instrinsik untuk melihat kepada satu kes sahaja bagi mengenal pasti faktor pesalah muda terlibat dalam tingkah laku jenayah dan meneroka pandangan pesalah muda terhadap program hukuman Perintah Khidmat Masyarakat yang diikuti.

Lokasi Kajian dan Responden Kajian

Lokasi kajian ialah lokasi di mana pengkaji menjalankan kajian. Menurut Creswell (2013), “kajian kualitatif melibatkan lokasi atau latar kajian dan memperoleh kebenaran untuk melakukan kajian bagi membolehkan pengumpulan data dilakukan dengan mudah. Lokasi kajian juga bermaksud tempat yang diakses untuk mencari individu yang boleh membantu dalam pengumpulan data”. Rossman & Rallis (2012: 137), pula “berpendapat bahawa antara latar atau lokasi kajian yang ideal adalah boleh dimasuki, kaya dengan proses, manusia, program, interaksi, struktur yang diminati dan keupayaan membina hubungan yang kukuh dengan responden kajian”. Pengkaji mengenal pasti lokasi kajian supaya boleh diakses menemui pesalah muda untuk mengumpul data-data yang dikehendaki. Oleh itu, lokasi kajian ini ialah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2, 3, 4 dan 5 yang terletak di Negeri Perak.

Daripada 16 orang responden kajian yang terdiri daripada pelbagai etnik, seramai enam orang responden terpilih sahaja iaitu sedang aktif menjalani hukuman Perintah Khidmat Masyarakat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2, 3, 4 dan 5. Keenam-enam orang responden dipilih kerana mereka terdiri daripada etnik Melayu yang paling ramai terlibat dalam tingkah laku jenayah, mempunyai fungsi dan objektif yang sama iaitu telah dijatuhkan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat. Dalam konteks kajian ini, etnik Cina dan India dikategorikan sebagai etnik minoriti terlibat dalam tingkah laku jenayah dan kurang memberi maklum balas semasa temu bual dijalankan.

Prosedur Pengumpulan Data Kajian

Mengumpul data merupakan satu strategi penting bagi setiap kajian. Menurut Siti Uzairiah Mohd Tobi (2017), salah satu strategi penting mengumpul data ialah untuk mendapatkan pelbagai sumber pembuktian yang boleh mengumpul kepada kumpulan isu yang sama. Pengkaji memilih kaedah kajian kes semestinya perlu diakses secara mendalam, analitik dan holistik melalui pelbagai instrumen kajian yang digunakan dan boleh menyediakan data-data yang diperlukan untuk kajian ini. Keseluruhan proses persediaan bagi mengumpul data dikenali sebagai instrumentasi (Fraenkel, Wallen & Hyun, 2012). Menurut Bogdan & Biklen (2007), instrumen kajian yang digunakan dalam proses pengumpulan data kajian kualitatif adalah seperti analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengumpul data melalui analisis dokumen, pemerhatian, temu bual semi-berstruktur. Pengkaji meringkaskan prosedur pengumpulan data kajian seperti dijelaskan berikut:

Analisis Dokumen

Menurut Yin. (2003: 85-86), menjelaskan bahawa maklumat “dokumentari adalah relevan dalam setiap topik kajian kes yang boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti, surat, memorandum, agenda, pengumuman, minit mesyuarat, laporan bertulis, dokumen pentadbiran

(rekod kemajuan dan rekod dalaman) dan harus menjadi objek eksplisit dalam rancangan pengumpulan data”. Dalam konteks kajian ini, analisis dokumen adalah;

Rekod Awam

Antara rekod awam ialah Waran Perintah Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat yang dikeluarkan oleh Mahkamah kepada responden.

Dokumen Peribadi

Antara dokumen peribadi dalam kajian ini ialah kad pengenalan dan fail peribadi responden.

Bahan Fizikal

Menurut Bogdan & Biklen (1998), bahan fizikal ialah seperti fotograf, memo dan surat yang boleh digunakan sebagai maklumat sokongan temu bual. Dalam konteks kajian ini, surat yang dikeluarkan oleh Mahkamah kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2, 3, 4 dan 5 yang dilampirkan bersama kertas pertuduhan bertujuan untuk mendapatkan Laporan Sosial Pesalah Muda tertuduh (responden).

Pemerhatian

Melalui kajian ini, pengkaji memberi penekanan kepada kaedah pemerhatian kerana dapat bertemu responden dengan lebih dekat untuk melihat tingkah laku mereka di PKMD 2, 3, 4 dan 5. Menurut Creswell (2013: 166), “pengkaji memerhati latar kajian secara fizikal, peserta kajian, aktiviti-aktiviti, interaksi, perbualan dan tingkah laku pengkaji itu sendiri semasa melakukan pemerhatian”. Oleh itu, pengkaji melaksanakan pemerhatian di lapangan dengan menyediakan nota lapangan seperti yang yang dijelaskan Creswell.

Temu Bual

Proses Temu Bual

Faktor masa dan lokasi pertemuan perlu ditetapkan supaya responden dan pengkaji memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing supaya objektif kajian dapat dicapai. Temu bual telah dilaksanakan mengikut kesesuaian tarikh, masa, tempat, pengkaji dan responden secara individu.

Protokol Temu Bual

Sebelum kajian ini dijalankan, pengkaji semestinya mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Malaysia, Putrajaya. Pengkaji menyediakan soalan temu bual semi-berstruktur sebelum temu bual dijalankan di lapangan. Manakala, jawapannya adalah terbuka tetapi boleh dikembangkan mengikut budi bicara responden. Pengkaji bersikap bersedia dan pantas mengambil catatan setiap kali perbincangan kerana ia merupakan data penting dalam kajian kualitatif menggunakan log temu bual.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Creswell & Miller (2000), mendefinisikan kesahan sebagai ketepatan pernyataan atau penjelasan dalam mewakili realiti partisipan tentang fenomena sosial. Tujuan kesahan instrumen ialah bagi menjamin kesahan item-item bersifat antaranya dapat dipertahankan kerana hasil kajian tepat dan ketepatan dalam menjawab soalan kajian (Fraenkel & Wallen, 1996). Berhubung kajian ini, pengkaji mengambil pendekatan tujuan kesahan instrumen seperti yang dinyatakan oleh Fraenkel & Wallen (1996).

Dapatan Kajian Berdasarkan Soalan Kajian Pertama

Kecuaian Diri Sendiri

Sememangnya terdapat faktor berlaku jenayah dalam kalangan responden di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2. Faktor tersebut berlaku tanpa mengira masa dan tempat kerana kecuaian diri sendiri semasa responden membuat perolehan motosikal yang dimilikinya. Berikut diperincikan dapatan kajian kejadian jenayah kerana faktor kecuaian responden sendiri. Di samping itu, responden mempunyai harga diri rendah terpengaruh dengan penjual motosikal yang menawarkan harga motosikal yang munasabah. Abu menyatakan.

“Saya memiliki sebuah motosikal jenis Yamaha Lagenda 115 ZR nombor pendaftaran palsu iaitu AHG 6096 yang telah dibeli melalui pemilik sebelumnya iaitu Encik Hisyam. Motosikal tersebut telah dibeli bernilai RM1,200.00 untuk digunakan semasa sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2016 tetapi saya tidak mengetahui nombor pendaftarannya palsu. Kejadian tersebut berlaku adalah berpunca daripada kecuaian saya sendiri tanpa berbincang lanjut dengan ibu ayah”.

(Abu, temu bual 23 Februari 2017, (Abu b. 27-33))

Abu tergopoh-gapah memiliki sebuah motosikal dan mengambil sikap mudah urusan jual beli motosikal tanpa meneliti dokumen jual beli seperti, geran dan cukai jalan motosikal yang dibelinya. Geran kenderaan adalah merupakan dokumen penting yang mengandungi butiran lengkap setiap motosikal yang dibeli ataupun dijual dan pemilik motosikal yang sah. Ulasan pengkaji.

“Abu mempercayai sepenuh hati terhadap penjual (Encik Hisyam) motosikal berkenaan. Namun, atas dasar kepercayaan merosakkan diri Abu sendiri. Kesilapan Abu tidak menyemak geran motosikal dan tidak membuat pertukaran hak milik semasa perolehan dibuat. Ini merupakan kesalah jenayah di bawah akta pengangkutan jalan.

(Pengkaji, nota reflektif 23 Februari 2017, (hlm. 3))

Waran Perintah Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat Dibawah Perenggan 293 (1) (e) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) adalah merupakan rekod awam yang dikeluarkan oleh Tuan Ahmad Asyraf Bin Mohamad Kamal, Majistret, Mahkamah Majistret Daerah 2 kepada Abu. Menurut pengkaji.

“Hasil analisis Waran Perintah Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat kepada Abu telah membuktikan bahawa beliau ‘telah berada dalam milik kamu sebuah motosikal nombor pendaftaran AHG 6096 yang dipercayai sebagai nombor pendaftaran palsu, yang mana kamu tidak dapat memberi penjelasan yang memuaskan mengenai bagaimana kamu mendapatkan harta tersebut’. Waran Perintah Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat ini juga mengandungi dokumen peribadi iaitu nombor kad pengenalan Abu. Pengkaji membandingkan nombor kad pengenalan tersebut dengan kad pengenalan miliknya yang tertera nombor yang sama bagi mengesahkan responden yang ditemu bual”.

(Pengkaji, analisis rekod awam Abu 23 Februari 2017)

Dokumen peribadi responden iaitu kad pengenalan Abu turut dianalisis. Menurut pengkaji.

“Nombor kad pengenalan Abu yang tertera pada kad pengenalannya telah dibandingkan dengan Waran Perintah Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat Dibawah Perenggan 293 (1) (e) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) dan didapati benar. Ini meyakinkan lagi pengkaji di mana individu yang ditemu bual tersebut adalah Abu iaitu responden kajian ini”.

(Pengkaji, analisis dokumen peribadi Abu 23 Februari 2017)

Konflik Keluarga

Didapati juga, hasil kajian mendapati faktor responden terlibat dalam tingkah laku jenayah adalah disebabkan tidak sehaluan dan tidak mengamalkan sikap bertolak ansur dalam kalangan adik-beradik. Contoh, pelatih tidak dibenarkan meminjam motosikal milik keluarga walaupun telah dibeli oleh bapa mereka. Faktor konflik dalam keluarga menyebabkan responden hilang kawalan diri hingga berlaku pergaduhan. Abang responden pula, gagal memainkan peranan sebagai *role model* dan mementingkan sikap diri sendiri. Menurut Bakar.

“Pergaduhan berlaku antara adik-beradik. Pada 21 Julai 2016, saya hendak meminjam motosikal Honda EX5 (yang telah dibeli oleh ayah untuk kegunaan adik-beradik dalam keluarga) kerana hendak pergi ke kedai untuk membeli top-up telefon bimbit. Kejadian berlaku di rumah kami jam lebih kurang 10.00 malam. Abang tidak membenarkan saya meminjam motosikal itu. Manakala saya hendak pinjam juga motosikal tu dan kunci dalam simpanannya

(Bakar, temu bual 22 Februari 2017, (Bakar b. 2))

Hasil temu bual menjelaskan bagaimana berlaku pertengkarannya antara responden dengan abangnya. Menurut Bakar.

“Saya telah membuat ugutan menyebabkan kecederaan dan merosakkan harta benda menggunakan bahan api dengan mengeluarkan perkataan ‘awak bako moto deme, mampuih deme awak kerjakan deme’. Kata-kata tersebut saya tujukan kepada Mohammad Yusri bin Mohd Yusoff yang merupakan abang sulung saya sendiri. Saya berusaha mengopek bahagian lampu motosikal untuk mencabut wayar bertujuan menghidupkan engin motosikal tu. Abang keluar dari biliknya menuju ke arah saya dan berlakulah pertengkarannya”.

(Bakar, temu bual 22 Februari 2017, (Bakar b. 2))

Mahkamah Majistret Daerah 2 telah mengemukakan permohonan Laporan Sosial Pesalah Muda bersama Kertas Pertuduhan Bakar kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2 setelah Bakar ditangkap polis kerana terlibat dalam tingkah laku jenayah melalui surat bertarikh 14 Oktober 2016. Surat tersebut disertakan bersama Kertas Pertuduhan nombor 364/2016 yang telah dikeluarkan oleh polis di daerah berkenaan dan mengesahkan bahawa Bakar telah ditangkap polis pada 22 Julai 2016.

“Hasil analisis rekod awam, sememangnya Mahkamah Majistret Daerah 2 mengemukakan permohonan Laporan Sosial Pesalah Muda kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2 berhubung Bakar ditangkap polis kerana terlibat dalam tingkah laku jenayah melalui surat bertarikh 14 Oktober 2016. Surat tersebut disertakan bersama Kertas Pertuduhan nombor 364/2016 yang telah dikeluarkan oleh polis di daerah berkenaan dan mengesahkan bahawa Bakar telah ditangkap polis pada 22 Julai 2016.

(Pengkaji, analisis rekod awam Bakar 22 Februari 2017)

Gagal Mematuhi Undang-Undang

Berdasarkan data kajian, didapati responden terlibat dalam tingkah laku jenayah yang disengajakan secara sedar dan dikategorikan sebagai cuai kerana memiliki lesen memandu. Situasi tersebut mencerminkan responden sanggup menghadapi sebarang risiko akibat pilihannya kerana tidak berfikir panjang dalam membuat sesuatu pilihan. Contohnya, responden menunggang motosikal milik sendiri secara melulu, membahayakan diri sendiri dan orang awam. Melalui petikan temu bual dengan responden, beliau cuba mlarikan diri daripada sekatan jalan raya melibatkan pasukan polis dan RELA. Menurut Deman.

“Semasa saya dalam perjalanan, tiba-tiba sekumpulan Mat Motor datang dari arah belakang yang telah dikepung oleh pasukan polis dan RELA bersenjatakan pistol dan cota. Sedangkan saya bukan ahli kumpulan Mat Motor tersebut. saya amat bimbang kerana tidak memiliki lesen memandu. Saya tidak berfikir panjang dan mencari jalan untuk melepaskan diri. Saya dapat memboloskan diri daripada sekatan jalan raya pertama dan kedua. Namun, saya gagal memboloskan diri saya semasa sekatan jalan raya ketiga”.

(Deman, temu bual 18 April 2017, (Deman b. 3))

Deman menjelaskan implikasi beliau cuba mlarikan diri daripada sekatan jalan raya hingga merosakkan dirinya sendiri. Deman menjelaskan lagi.

“Malangnya, saya tidak berjaya kerana saya telah dipukul oleh anggota RELA menggunakan cota dan terkena pada bahagian hidung. Saya terjatuh daripada motor saya tetapi motor saya tidak mengalami kerosakan. Muka saya berlumuran darah dan berasa amat sakit terutama bahagian hidung. Mulut saya pula keluar darah”.

(Deman, temu bual 18 April 2017, (Deman b.62-67))

Komen pengkaji terhadap Deman yang gagal mematuhi undang-undang jalan raya menyebabkan Deman disabitkan kesalahan jenayah hingga dijatuhkan hukuman PKM. Menurut pengkaji.

“Kelihatan awal-awal lagi Deman menempah kesalahan jenayah, contoh menunggang motosikal tanpa lesen memandu. Sudah tahu terdapat sekatan jalan raya kenapa pula cuba memboloskan diri. Deman mengambil tindakan yang tidak relevan hingga mencederakan diri sendiri akibat dibelasah oleh pasukan keselamatan berkenaan. Namun, Deman sungguh bernasib baik kerana masih lagi boleh bergerak dan tidak cedera yang memudaratkan”.

(Pengkaji, nota reflektif 18 April 2017, Selasa (Pengkaji hlm.3-4))

Rekod awam Deman telah dianalisis berhubung beliau gagal mematuhi undang-undang Jalan Raya. Menurut pengkaji.

“Hasil analisis rekod awam Deman iaitu Waran Perintah Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat didapati Deman telah disabitkan kesalahan Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan di hadapan Siti Hanum Mohamad Sah, Majistret, Mahkamah Khas Trafik Daerah 3 pada 23 Februari 2017. Rekod awam tersebut tertera nombor kad pengenalan beliau dan telah dibandingkan

dengan Sijil Berhenti Sekolahnya iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Dato' Ahmad Said Daerah 3 serta Sijil Pelajaran Malaysiana didapati benar. Sekolah tersebut memperlihatkan beliau telah tamat tingkatan lima”.

(Pengkaji, analisis rekod awam Deman 18 April 2017)

Dapatan Kajian Berdasarkan Soalan Kajian Kedua

Berdasarkan dapatan hasil kajian, terdapat tiga bentuk pandangan mengenai program PKM yang telah diikuti responden iaitu pandangan responden terhadap aktiviti program hukuman, pandangan responden terhadap aktiviti program pemulihan dan pandangan responden terhadap aktiviti program penginsafan. Berikut dirumuskan pandangan-pandangan responden.

Pandangan Pesalah Muda Terhadap Aktiviti Program Hukuman

Hasil temu bual mendapati terdapat pelbagai pandangan responden terhadap aktiviti program hukuman. Pandangan responden dilihat dari aspek membersih di dalam dan di luar Pejabat Kebajikan Masyarakat berkenaan.

Membersih di Dalam dan Luar Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Berkenaan

Hasil temu bual responden daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3, turut memberikan pandangan berhubung aktiviti program hukuman yang penting. Deman menyuarakan pandangan iaitu mementingkan kebersihan semasa menjalani program hukuman di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3. Berikut adalah pandangan Deman.

“Saya berpandangan program hukuman mendidik saya berfikir panjang dan lebih berhati-hati dalam apa juga keadaan dan tindakan. Pertama, untuk meningkatkan keupayaan kemahiran kendiri saya dan pelatih yang lain terutama semasa menjalani PKM. Contoh, membersih tandas hingga bersih tetapi menggunakan air yang paling minimum supaya tidak berlaku pembaziran di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3. Pembaziran dilarang kerana merugikan individu, organisasi dan masyarakat. Kedua, dapat melengkapkan masa lapang saya seperti menyumbang tenaga saya melaksanakan kerja-kerja khidmat masyarakat kepada komuniti setempat seperti merumput dan membersih kawasan persekitaran Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti 3. Kerja-kerja seumpama ini jarang saya lakukan sebelum ini dan saya anggapkan kerja-kerja yang saya nyatakan tadi adalah penting”.

(Deman, temu bual 18 April 2017, (Deman b. 14)

Bakar pula menyatakan kerja-kerja menyapu sampah dan mencuci longkang sebagai perhatian utama di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2. Menurut Bakar.

“Saya meletakkan kerja-kerja menyapu sampah dan mencuci longkang di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2 sebagai perhatian utama dan memberi kesan kerana ia boleh mengelak nyamuk aedes membiak demi menjaga kesihatan”.

(Bakar, temu bual 22 Februari 2017, (Bakar b. 213-216))

Pandangan Pesalah Muda Terhadap Program Pemulihan

Program Keibubapaan Pelatih Program Perintah Khidmat Masyarakat Negeri Perak 2016 turut juga dilaksanakan tetapi program ini dianjurkan oleh Bahagian Kanak-kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Negeri Perak. Berdasarkan dapatan hasil kajian, program ini dilaksanakan sehari sahaja pada 10 November 2016 bertempat di Bilik Seminar Abd Rahman Auf, Institut Tadbiran Islam Malaysia, Ipoh. Dapatan hasil kajian mendapati hanya dua orang responden sahaja telah hadir. Hubungan program ini boleh dilihat dari segi aspek Sesi Halwa Minda ‘Generasi Muda Harapan Negara’.

Sesi Halwa Minda ‘Generasi Muda Harapan Negara’

Tajuk yang dipilih iaitu Sesi Halwa Minda ‘Generasi Muda Harapan Negara’ memberi harapan kepada responden untuk mengubah minda positif pada masa hadapan tetapi bermula pada hari tersebut. Menurut Comel daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3.

“Saya sukakan dan pentingkan Sesi Halwa Minda ‘Generasi Muda Harapan Negara’ kerana banyak memberi informasi yang saya tidak tahu sebelum ini. Penceramah minta kami berubah kepada yang lebih baik. Segala yang berlaku sebelum ini, jadikan pengajaran buat saya”.

(Comel, temu bual 16 Februari 2017, (Comel b. 10)

Menurut Eman, pelatih daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (K) 4 yang juga terpilih hadir Sesi Halwa Minda ‘Generasi Muda Harapan Negara’ turut memberikan pandangan.

‘Saya pentingkan Sesi Halwa Minda “Generasi Muda Harapan Negara” kerana membuatkan saya sedar di mana saya sendiri merupakan generasi muda menjadi harapan kepada ibu ayah dan juga negara. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak pengajur juga kepada Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 4 kerana telah membenarkan saya hadir’.

(Eman, temu bual 9 Mac 2017, (Eman b. 17))

Pengkaji membuat komen berhubung Program Keibubapaan Pelatih Program PKM Negeri Perak 2016 anjuran Bahagian Kanak-kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Negeri Perak yang telah dihadiri responden. Menurut pengkaji.

“Pihak pengajur telah menyusun pengisian Program Keibubapaan Pelatih Program Perintah Khidmat Masyarakat Negeri Perak 2016 sungguh sesuai kerana telah menjemput Kaunselor Berdaftar merangkap Pengetua Sekolah Menengah Seri Perak, Teluk Intan sebagai penceramah. Pencermah undangan dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk ‘Generasi Muda Harapan Negara’ bertepatan dengan responden sebagai peserta kerana responden adalah pelapis Negara pada masa hadapan. Masa yang ditetapkan selama dua jam, memadai lah dengan sehari program”.

(Pengkaji, nota reflektif 16 Februari 2017, (Pengkaji b. 17))

Pandangan Pesalah Muda Terhadap Aktiviti Program Penginsafan

Responden memberikan pandangan mengenai pengisian program penginsafan yang penting seperti yang telah dihadiri mereka. Berikut temu bual secara individu dengan Eman daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (K) 4.

“Seperti yang diketahui, saya telah mengikuti semua aktiviti program penginsafan Kem Kerohanian Perintah Khidmat Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016 pada 5 hingga 7 September 2016 di KEDA, Bendang Man, Kedah. Semua aktiviti yang disediakan menarik dan saya berasa puas hati menghadirinya. Saya merasakan melalui program penginsafan tersebut, ceramah berbentuk keagamaan amat penting sekali kerana dapat melenturkan diri saya atas kesilapan saya sendiri melakukan jenayah”.

(Eman, temu bual 9 Mac 2017, (Eman b. 18))

Comel daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 telah terpilih menghadiri Kem Kerohanian Perintah Khidmat Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016 di KEDA, Bendang Man, Kedah, menetapkan bahawa solat fardhu berjamaah sebagai penting. Menurut Comel.

“Saya berikan keutamaan solat fardhu berjamaah sebagai penting. Saya mengerjakan solat fardhu berjamaah sepanjang Kem Kerohanian Perintah Khidmat Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016 di Kedah. Tambahan pula solat fardhu berjamaah wajib dikerjakan”.

(Comel, temu bual 16 Februari 2017, (Comel, b. 13)

Penutup

Secara keseluruhannya, faktor responden terlibat dalam tingkah laku jenayah adalah berbeza antara satu responden dengan responden yang lain. Maka, didapati sememangnya responden terlibat dalam tingkah laku jenayah. Responden turut melahirkan pandangan terhadap ketiga-tiga program PKM itu penting berdasarkan penglibatan, kehadiran dan berdasarkan buah fikiran mereka sendiri. Akhirnya, faktor responden terlibat dalam tingkah laku jenayah melahirkan pandangan positif terhadap program PKM.

Rujukan

- Arifah Rahimah Ismail & Mohd. Al-Adib Samuri. (2015). Perintah khidmat masyarakat dalam perspektif dunia: Kajian awalan bagi pelaksanaan di Mahkamah Syariah Malaysia.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2007). Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods (5th Ed.). Boston: Allyn & Bacon Inc., 55.
- Bogdan, R. C. & Biklen S. K., (1998). Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods. 3rd ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Brennan, B. Y. T. P., & Mason, L. (1983). Community service: A developing concept. Federal Probation 47.
- Creswell, J. W. (2013). Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches. United Kingdom: Sage Publications.
- Fatimah Yusoff (2015). Gejala Sosial Remaja – Pandangan Dr. Fatimah Yusuf (Cahaya Oktober). Tidak dicetak.
- Flacks. (2006). Combining Retribution and Reconciliation: The Role of Community Service Sentencing in Transitional Justice. Interdisciplinary Journal of Human Rights Law, 1(1).

- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). How to Design and Evaluate Research in Education. New York: McGraw Hill.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2010)
- Kanun Keseksaan Akta 574 (Pindaan 2004)
- Leibrich, J., Galaway, B., & Underhill, Y. (1986). Community service sentencing in New Zealand: A Survey of Users. *Federal Probation* 50(1).
- Mcmillan, J. H. (2012). Education Research Fundamentals For The Consumer. Amerika Syarikat: Pearson.
- McLaughlin, E., & Muncie, J. (2006). The SAGE Dictionary of Criminology. London: SAGE.
- Mohd. Al-Adib Samuri & Noor Azizah Mohd Awal. (2009). Hukuman Terhadap Pesalah Kanak-kanak Di Malaysia: Pencegahan atau Pemulihan. *Jurnal Undang-undang*.
- Norazla Abdul Wahab, Mohd. Al-Adib Samuri, Zuliza Mohd Kusrin & Anita Abdul Rahim. (2014). Legal Issues in Implementing the Community Service Orders for Child Offenders in Malaysia, *Asian Social Science*, 10 (4).
- Othman Lebar. (2015). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Peraturan Tetap Operasi Perintah Khidmat Masyarakat. (Pindaan 2011). Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Putrajaya.
- Rossman, G. B. & Rallis, S. F. (2012). Learning in The Field: An Introduction to Qualitative Research. London: Sage Publications.
- Seksyen 2. (Pindaan 1999). Kanun Acara Jenayah Akta 593
- Seksyen 293. (Pindaan 1999). Kanun Acara Jenayah Akta 593
- Siti Zubaidah Ismail. (2011). Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-undang Syariah dlm. Shariah Law Report 4.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual. Kuala Lumpur, Aras Publisher.
- Stake, R. E. (2005). Multiple Case Study Analysis. New York: The Guilford Press.
- Yin, R. K. (2003). Case Study Research: Design and Methods (3rd ed.) Thousand Oaks, CA: Sage.